

U B369 AAB
MAHATHIR - SEKATAN R R R
(I)
DARIPADA AZMAN UJANG

VANCOUVER, 14 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGUR NEGARA-NEGARA KOMANWEL YANG, SAM ADA ENGGAN MENGENAKAN SEKATAN TERHADAP REJIM PRETORIA BAGI MENAMATKAN DASAR APARTEID, ATAU YANG MEMBUANG MASA BERDEBAT MENGENAI KEBERKESANAN LANGKAH SEUMPAMA ITU.

BELIAU MEMBERITAHU PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI SINI HARI INI BAHAWA HANYA TINDAKAN DALAM BENTUK SEKATAN DAN BUKAN PERDEBATAN, SAHAJA BOLEH MEMBERI HARAPAN BAGI MENAMATKAN PEMERINTAHAN MINORITI KULIT PUTIH DI PRETORIA.

+TIADA GUNANYA BERDEBAT MENGENAI KEBERKESANAN SEKATAN SEUMPAMA ITU TETAPI YANG PENTING BAGI KITA IALAH MENGAMBIL TINDAKAN BAGI MENGURANGKAN PENDERITAAN KAUM KULIT HITAM DI NEGARA ITU,+ KATA BELIAU PADA SESI PERBINCANGAN.

WALAUPUN DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK MENYEBUT NEGARA-NEGARA YANG MENENTANG SEKATAN SEUMPAMA ITU DIKENAKAN, TETAPI AMATLAH JELAS BELIAU MENUJUKAN KEPADA BRITAIN.

PERCANGGAHAN PENDAPAT ANTARA BRITAIN DAN NEGARA-NEGARA LAIN KOMANWEL BERHUBUNG DENGAN SOAL SEKATAN SEMAKIN KETARA HARI INI APABILA PERDANA MENTERI BRITAIN, MARGARET THATCHER MENOLAK SEBARANG PERUBAHAN DALAM PENDIRIANNYA MENGENAI PERKARA ITU. -- LAGI.
1443MST 15 10 87

U B372 AAB
MAHATHIR - SEKATAN 2 VANCOUVER R R R
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEMPELAK PENDIRIAN BRITAIN KONONNYA SEKATAN HANYA AKAN MENIMBULKAN KESENGSARAAN KEPADA KAUM KULIT HITAM SENDIRI, SEDANGKAN HAKIKATNYA IALAH MEREKA TELAH LAMA MENDERITA AKIBAT DASAR ITU.

KATA PERDANA MENTERI, BELIAU KESAL AKAN SIKAP SESETENGAH NEGARA YANG KEBERATAN MENGENAKAN SEKATAN TERHADAP REJIM PRETORIA SEDANGKAN MEREKA MENGAMBIL TINDAKAN DEMIKIAN KE ATAS NEGARA LAIN.

BELIAU BERKATA MALAYSIA SENDIRI SEJAK 1965 TELAH MENGENAKAN SEKATAN PERDAGANGAN SEHALA TERHADAP REJIM ITU WALAUPUN INI MENYEBABKAN NEGARA RUGI KERANA TIDAK DAPAT MENJUAL KOMODITINYA.

+KAMI PERCAYA INILAH SATU-SATUNYA JALAN BAGI MEMAKSA REJIM PRETORIA MENGUBAH DASAR APARTEIDNYA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERKATA WALAUPUN TINDAKAN SECARA BERSAMA OLEH KOMANWEL MUNGKIN TIDAK MENGUBAH KEADAAN TETAPI IA MEMBAYANGKAN PETANDA BAGI MEMPENGARUHI REJIM PRETORIA SUPAYA MENGUBAH SISTEM PERKAUMANNYA. -- LAGI.

1445MST 15 10 87

D219

U B378 AAB
MAHATHIR - SEKATAN 3 VANCOUVER R R R
(I)

+KAMI PERCAYA BAHAWA JIKA KITA TIDAK MENGAMBIL TINDAKAN SEKARANG, PENDERITAAN RAKYAT KULIT PUTIH DAN KULIT HITAM AKAN BERLARUTAN. OLEH SEBAB ITU, KITA HENDAKLAH CUBA MENGURANGKAN PENDERITAAN MEREKA,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH MENGENAI BANTUAN KEPADA NEGARA-NEGARA +BARISAN HADAPAN+ YANG BERSEMPADAN DENGAN AFRIKA SELATAN DAN KAUM KULIT HITAM DI NEGARA ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENCADANGKAN SUPAYA BANTUAN KETENTERAAN DIBERI BAGI MENGAWAL LANDASAN KERETAPI DI NEGARA-NEGARA BARISAN HADAPAN KERANA LANDASAN ITU SERING DISABOTAJ OLEH REJIM PRETORIA.

BELIAU BERKATA MEMANDANGKAN AFRIKA SELATAN REJIM PERKAUMAN, MAKA AMATLAH WAJAR JIKA PASUKAN KESELAMATAN YANG MENGAWAL LANDASAN KERETAPI ITU TERDIRI DARIPADA ASKAR-ASKAR KULIT PUTIH DARI NEGARA KOMANWEL SEPERTI AUSTRALIA, BRITAIN ATAU NEW ZEALAND.

+INI MUNGKIN TIDAK DITERIMA OLEH RAKAN-RAKAN SEJAWATAN SAYA DALAM KOMANWEL TETAPI INI HANYALAH CADANGAN SAYA. TETAPI JIKA KITA KOMITED KEPADA PERJUANGAN UNTUK MENGHAPUSKAN DASAR ITU, KITA HENDAKLAH MELAKUKANNYA,+ KATA BELIAU. -- LAGI.

1509MST 15 10 87

D227

U B382 AAB
MAHATHIR - SEKATAN 4 VANCOUVER R R R
(I)

BELIAU JUGA MENYEBUT AKAN PERLUNYA DIPERBAIKI KEMUDAHAN PELABUHAN DI NEGARA-NEGARA BARISAN HADAPAN SUPAYA NEGARA-NEGARA BERKENAAN TIDAK TERLALU BERGANTUNG KEPADA KEMUDAHAN DI AFRIKA SELATAN.

SEHUBUNGAN DENGAN INI, PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN BAHAWA MALAYSIA AKAN MELAKUKAN APA SAHAJA BAGI MENCAPAI HASRAT INI.

PERDANA MENTERI BRITAIN, MARGARET THATCHER YANG BERUCAP SELEPAS DATUK SERI DR MAHATHIR SEKALI LAGI MENENTANG LANGKAH MENGENAKAN SEKATAN TERHADAP REJIM PRETORIA.

PUAN THATCHER BERKATA BELIAU TIDAK AKAN MENERIMA KEGANASAN SEBAGAI JALAN BAGI MENAMATKAN APARTEID DAN SEBALIKNYA MERUJUK KEPADA USAHA BRITAIN MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM +KONSTRUKTIF+ BAGI MEMBANTU KAUM KULIT HITAM DALAM BIDANG PENDIDIKAN DAN LATIHAN.

KENYATAAN PUAN THATCHER SECARA SPONTAN MENIMBULKAN REAKSI DARIPADA PEMIMPIN PALING KANAN NEGARA-NEGARA BARISAN HADAPAN IAITU PRESIDEN ZAMBIA, DR KENNETH KAUNDA YANG MENOLAK BULAT-BULAT PENDIRIAN PERDANA MENTERI BRITAIN ITU. -- LAGI.

1523MST 15 10 87

D230

U B384 AAB
MAHATHIR - SEKATAN 5 VANCOUVER R R R
(I)

SAMBIL BERPALING KEPADA PERDANA MENTERI ZIMBABWE ROBERT MUGABE YANG DUDUK DI SEBELAHNYA, DR KAUNDA MENARIK PERHATIAN APABILA BERKATA +LIHAT SAHAJALAH KEPADA MUGABE YANG MERUPAKAN CONTOH TERBAIK.

+KALAU DAHULU BELIAU SEORANG PENGGANAS YANG BERJUANG MENUNTUT KEBEBASAN NEGARNYA, SEKARANG BELIAU SEORANG NEGARAWAN.+ -- BERNAMA.

1528MST 15 10 87